



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN KOLEKSI DIGITAL BRITISH COLONIAL OFFICE

KUALA LUMPUR, 23 Januari – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Arkib Negara Malaysia telah melancarkan **Koleksi Digital British Colonial Office** bertujuan untuk **mempromosi, menyebarkan dan menyemarakkan koleksi digital terbaharu Arkib Negara** yang boleh dirujuk dan diakses oleh rakyat Malaysia. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Auditorium Pusat Pendokumentasian Audio Visual (PPPAV).

Koleksi British Colonial Office merujuk kepada kumpulan rekod rasmi yang diwujudkan oleh **Colonial Office** iaitu jabatan kerajaan yang menguruskan pentadbiran tanah jajahan empayar British dari abad ke-19 hingga pertengahan abad ke-20. Koleksi ini berkaitan pentadbiran dan tadbir urus, hubungan antarabangsa, perubahan demografi dan kehidupan di negara tanah jajahan British.

Koleksi Digital British Colonial Office membuka peluang lebih luas kepada rakyat Malaysia untuk mengakses khazanah sejarah penting negara secara digital. Koleksi ini **menghimpunkan rekod rasmi pentadbiran British dari abad ke-19 hingga pertengahan abad ke-20**, termasuk bahan berkaitan Tanah Melayu (Malaya), Singapura, Borneo dan Brunei, Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Bahan digital ini terdiri daripada surat-menyurat, dokumen, manuskrip, peta, pelan, gambar, perjanjian, laporan, akhbar, majalah dan sebagainya. Ia mengandungi sejumlah **8,507 fail** dengan **1,131,112 imej atau muka surat dari tahun 1759 sehingga 1967**.

Koleksi digital British Colonial Office ini boleh diakses di Arkib Negara menggunakan **Platform Gale Primary Sources** yang merupakan pangkalan data digital antarabangsa. Sebarang penyalinan bahan tertakluk kepada Peraturan-peraturan Arkib Negara Malaysia (Fi) 2015.

Dalam ucapannya, YB Datuk Aaron Ago Dagang menyatakan bahawa **penggunaan platform ini merupakan** inisiatif menyokong **agenda transformasi digital sektor awam** dalam memperluas akses terbuka kepada sumber sejarah primer. Penyelidik tempatan dapat melakukan kajian mendalam dengan mengakses koleksi tersebut tanpa sempadan masa dan tempat dengan lebih mudah, cepat dan efisien sekaligus menjimatkan kos kepada rakyat menjalankan penyelidikan.

Beliau turut berharap agar berharap capaian koleksi ini yang disediakan oleh Arkib Negara ini dapat **menarik minat dan menggalakkan pengkaji dan penyelidik dari dalam dan luar negara yang akan menjalankan kajian dan penyelidikan berdasarkan sumber yang sahih.**

Kementerian Perpaduan Negara akan terus menyokong Arkib Negara supaya **meningkatkan keupayaan tenaga pakar khusus untuk melaksanakan tugas pengesanan dan penyelidikan sumber sejarah negara.**

Kementerian Perpaduan Negara

23 Januari 2026

KPN.100-9/1/16 (4)